

26/07/1997

Sabah maju sejak diperintah Barisan

KOTA KINABALU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sudah banyak pencapaian dan perubahan dinikmati rakyat dan negeri Sabah sejak Barisan Nasional (BN) mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri Sabah pada 1994.

Menurut Perdana Menteri, pencapaian itu adalah hasil kerjasama dan sumbangan idea pemimpin BN negeri seperti pembentukan Dewan Perniagaan Kadazandusun Sabah (KCCI) dan pelaksanaan pengajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah kerajaan.

Katanya, kerajaan melihat perkembangan itu sebagai satu proses penting dalam usaha membina negara bangsa Malaysia yang bersatu pada menjelang tahun 2020.

"Perpaduan rakyat khususnya wawasan kita untuk mendirikan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu menjelang 2020 memerlukan penyertaan semua pihak tidak kira keturunan, suku kaum, kepercayaan dan asal-usul wilayah.

"Dengan kerjasama semua rakyat kita akan berjaya menjadi sebuah negara maju seperti terkandung dalam Wawasan 2020," katanya dalam perutusan pada buku cenderamata sempena kongres tahunan ketiga Parti Demokratik Sabah (PDS) di Sabandar Bay Resort, Tuaran, selama dua hari bermula esok.

PDS ialah sebuah daripada lapan komponen BN Sabah. Parti lain dalam gabungan itu ialah Umno, Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar Bersatu), Parti Liberal Demokratik (LDP), MCA dan Gerakan.

Kongres PDS kali ini bertemakan PDS penggerak pembangunan sosioekonomi. Ia dijangka dihadiri 400 perwakilan dari 48 bahagian seluruh negeri dan akan dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee.

Mengenai PDS, Dr Mahathir berkata, parti itu memainkan fungsi penting dalam mewujudkan kestabilan politik dan pembangunan ekonomi negeri Sabah.

Katanya, dengan mempunyai 11 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) iaitu yang kedua terbanyak di Sabah selepas Umno, PDS sudah tentu boleh menyumbang ke arah mengukuhkan kerajaan BN, khususnya di Sabah.

Beliau yakin kongres itu membantu memantapkan lagi PDS sebagai organisasi politik bagi masyarakat Kadazandusun/Murut melalui kerangka politik BN.

"Mudah-mudahan PDS dapat mempertingkatkan lagi usaha untuk membawa rakyat Sabah khususnya masyarakat Kadazandusun/Murut dalam arus perdana pembangunan negara," katanya.

Dalam pada itu, tiga usul iaitu pendidikan, kemiskinan dan gejala sosial akan dibentangkan pada kongres tahunan PDS kali ini.

Menerusi usul pendidikan, satu daripada cadangannya ialah supaya diwujudkan sebuah universiti swasta di Sabah bagi memberi peluang kepada belia tempatan negeri ini melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

(END)